

Rujukan kami: UMP.03.01/10.12/3 (54)
Tarikh: 1 April 2022

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL.4 TAHUN 2022
TUNTUTAN UJIAN PENGESANAN COVID-19 DI FASILITI SWASTA BAGI STAF
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil.4 Tahun 2022 berkenaan Tuntutan Ujian Pengesanan Covid-19 Di Fasiliti Swasta Bagi Staf Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato'/ YBhg. Prof/ Prof Madya/ Tuan/ Puan, selanjutnya.


Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang



PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2022

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato /YBhg. Prof. / Prof Madya/ Tuan/ Puan,

TUNTUTAN UJIAN PENGESANAN COVID-19 DI FASILITI SWASTA BAGI STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memberi panduan dan penjelasan berkaitan tuntutan ujian pengesanan Covid-19 di fasiliti swasta bagi staf Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat edaran MOF.DS.600-31/2/3 JLD.16 (36) bertarikh 6 Ogos 2021 menetapkan bayaran balik caj ujian pengesanan Covid-19 adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan;

2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti kali ke 160 Bilangan 18/2021 bertarikh 20 Oktober 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti Kali Ke 51 Bil. 1/2022 Pada 10 Mac 2022 bersetuju menerima pakai Surat Edaran MOF Berkaitan Tuntutan Ujian Pengesanan Covid-19 Di Fasiliti Swasta Bagi Staf Universiti Malaysia Pahang.

3.0 PERATURAN TUNTUTAN UJIAN PENGESANAN COVID-19 DI FASILITI SWASTA

3.1 UMP membenarkan tuntutan ujian pengesanan Covid-19 di fasiliti swasta tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. tuntutan selepas 29 Mac 2021 sahaja melalui Jabatan Pendaftar melalui Tuntutan Klinik Bukan Panel;
- ii. kadar maksimum tuntutan bayaran balik terhad sehingga:

Jenis Ujian	Terhad (RM)
Kit Ujian Pantas (RTK)	100
Tindak Balas Berantai Polimerase (PCR)	250

- iii. pegawai diarahkan untuk bertugas rasmi/berkursus di luar ibu pejabat (surat arahan bertugas rasmi/berkursus tersebut hendaklah dilampirkan);
- iv. pegawai diarahkan untuk menjalankan ujian pengesanan Covid-19 (surat arahan untuk melakukan ujian tersebut bagi bertugas rasmi/berkursus berkenaan hendaklah dilampirkan);
- v. resit bayaran dikemukakan;
- vi. sebarang keperluan untuk melakukan ujian pengesanan Covid-19 seperti terdapat kontak rapat semasa melaksanakan tugas rasmi/berkursus/ hadir bertugas di pejabat, terdapat gejala Covid-19 dan sebagainya adalah tidak dibenarkan bagi tujuan tuntutan bayaran balik ini dan hendaklah merujuk kepada SOP dan ketetapan KKM dari semasa ke semasa; dan
- vii. Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan tuntutan yang dikemukakan oleh pegawai yang menjalankan tugas rasmi adalah teratur, munasabah dan berpatutan serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

3.2 Kelulusan tuntutan ujian pengesanan covid-19 di fasiliti swasta juga adalah tertakluk kepada Jabatan mematuhi syarat-syarat berikut:

- i. kos perbelanjaan ujian pengesanan Covid-19 tersebut hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada dan tiada peruntukan tambahan dibenarkan;

- ii. mengamalkan prinsip perbelanjaan berhemat selaras dengan Pekeliling Bendahari Bil 5 Tahun 2021 Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan Di Universiti Malaysia Pahang.

4.0 TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini ditandatangani.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 1 April 2022

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang